

Pelaksanaan Program Inklusif di Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Harian

Mohd Hanafi Bin Mohd Yasin, Hasnah Bte Toran, dan Shaharuddin Bin Shaari
Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Perguruan Ipoh, Perak, Malaysia

ABSTRACT


Inclusive education program, launched by the ministry of education to implement the concept of "education for all", has not been properly carried out and therefore does not reach what it should achieve. The main reason for this failure is the unavailability of resource teachers. The second is the school committee has not been properly provided with the concept and implementation of inclusive education. Besides, the teachers have not also been provided with ways of dealing with and teaching misbehaved students. Findings show that teachers have positive reaction towards this type of students but are uncertain how to better serve them as they don't have enough experience. Teachers and board members should, therefore, take some relevant trainings and intensive leaves to improve themselves so that they will be capable of properly carrying out this inclusive education program at vocational schools.

Keywords: inclusive education, education for all, vocational school, high school

Sebelum ini, pelajar keperluan khas belajar di sekolah khas. Mereka diajar menggunakan kurikulum berbeza daripada kurikulum sekolah harian bagi menyesuaikan dengan kebolehan mental dan fizikal mereka. Keadaan ini telah mewujudkan segregasi.

Pendidikan inklusif yang bersifat universal telah memberi suatu dimensi baru dalam bidang pendidikan keseluruhannya. Justeru, kini pelajar bermasalah pembelajaran yang boleh dididik serta dapat menguruskan diri telah diinklusifkan ke kelas biasa. Di kelas ini beberapa pengubahsuaian dilakukan terutamanya terhadap kurikulum, teknik pengajaran guru dan proses penilaian.

Selari dengan resolusi yang telah dibuat oleh UNESCO di Jomtien, Thailand, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan konsep "Pendidikan Untuk Semua" dalam konteks menyediakan peluang pendidikan yang sama bagi setiap pelajar. Konsep ini menawarkan dan memperseimbangkan segala peluang dan perkhidmatan pendidikan untuk semua pelajar tanpa mengira perbezaan dari aspek agama, ras, jantina maupun perbezaan individu. Konsep ini juga memberi penekanan terhadap semua pelajar yang tercicir daripada sistem persekolahan biasa yakni yang pelajar dalam golongan terbiar (*street children*), tercicir (*dropouts*), lembam (*lethargic*),



Rajah 1: Penempatan Pelajar Keperluan Khas (Dahulu)

(Sumber: Jonsson disebut dalam Zalizan Mohd. Jelas and Noraini Mohd. Salleh, 2000, 95)

tidak berkeupayaan (*disabled*), bermasalah pembelajaran (*learning disabilities*), berpencapaian rendah (*low achievers*), mangsa penderaan dan bermasalah tingkah laku (*abused and disruptive children*) (Mittler, 1995). Ini bermakna, setiap pelajar bermasalah pembelajaran juga mempunyai hak untuk mendapat peluang pendidikan yang sama. Namun, rata-rata pendapat pada masa kini lebih menekankan kepada hanya suatu sistem persekolahan sahaja. Sebagai contohnya, Stainback and Stainback (1990); Elliot and McKenny disebut dalam Ripley (1999) yakin bahawa semua pelajar, tanpa mengira sifat fizikal dan mereka, berkemampuan untuk belajar dengan lebih sempurna di sebuah sekolah yang sama.

Bagi merealisasikan konsep ini, beberapa program pendidikan yang khas telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu pelajar bermasalah pembelajaran dalam bidang pendidikan dan kemahiran vokasional. Antara program-program pendidikan yang diperkenalkan ialah program pendidikan inklusif di sekolah menengah teknik. Program ini secara khusus memberi penekanan kepada kebolehan, kefungsian, kemahiran, perkembangan, penguasaan dan pencapaian para pelajar tersebut terhadap pengembangan kemahiran (Jabatan Pendidikan Khas, 1998).

Usaha ini selari dengan Pernyataan Salamanca dan Rangka Pelan Tindakan oleh UNESCO pada tahun 1994 mengenai pendidikan khas. Laporan ini menganjurkan agar sekolah-sekolah boleh berfungsi dengan lebih baik serta dapat menjayakan konsep "Pendidikan Untuk Semua". Salah satu saranan yang terkandung dalam Pernyataan Salamanca (*The Salamanca Statement*, 1994) ialah tentang kepentingan bagi setiap kerajaan melabur dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan kemahiran vokasional dalam kerangka pendidikan inklusif.

Program pendidikan inklusif di sekolah-sekolah menengah teknik telah mula dilaksanakan pada bulan Mac 1999. Sebagai permulaannya, hanya pelajar pendidikan khas dari golongan ketidakupayaan pendengaran sahaja yang diinklusifkan. Jabatan Pendidikan Khas (1995) yang bertanggung jawab sepenuhnya terhadap pendidikan bagi pelajar keperluan khas serta yang merancang program ini, telah menggariskan beberapa objektif bagi program ini. Objektif-objektif tersebut adalah seperti berikut:

- "1) Memberi peluang seluas-luasnya supaya lebih ramai murid berkeperluan khas mengikuti aliran vokasional.
- 2) Memberi latihan-latihan kemahiran yang bersesuaian dengan kemampuan serta keupayaan mereka.
- 3) Mewujudkan sistem pendidikan yang terbaik untuk menghasilkan insan yang mempunyai daya ketahanan tinggi bagi memenuhi aspirasi dan kehendak individu dan masyarakat.
- 4) Membimbing murid-murid dengan keperluan khas ke arah bidang kerjaya yang dapat membantu kehidupan mereka."

(halaman 22)

Oleh kerana program ini dijalankan di sekolah menengah teknik, kerjasama secara kolaboratif antara Jabatan Pendidikan Khas dengan Jabatan Pendidikan Teknikal diperlukan. Kedua-dua jabatan tersebut telah mengenalpasti beberapa buah sekolah menengah teknik untuk tujuan pelaksanaan program pendidikan inklusif. Sebagai permulaan, seramai dua, tiga atau empat orang pelajar bermasalah pembelajaran sahaja yang dipilih untuk mengikuti kursus ini bagi setiap sekolah. Kedua-dua jabatan tersebut juga telah mengenal pasti kursus-kursus kemahiran yang sesuai untuk para pelajar tersebut. Seorang guru resos sebagai guru pendamping dibekalkan bagi membantu guru akademik dan guru bengkel ketika mengajar di kelas inklusif.

Pernyataan Masalah

Program pendidikan inklusif di sekolah menengah teknik merupakan satu program yang baru diperkenalkan. Sebelum ini, program seumpama ini hanya dilaksanakan di sekolah menengah harian. Oleh kerana program ini baru diperkenalkan, sudah tentu terdapat pelbagai jenis model pengurusannya di setiap sekolah.

Lazimnya apabila sesuatu program baru diperkenalkan untuk dilaksanakan, maka beberapa isu kebiasaan timbul. Isu yang pertama yang sering timbul ialah isu yang berkaitan aspek perancangannya. Terdapat juga isu-isu yang membabitkan soal kepakaran tenaga pengajar, bahan resos pengajaran dan peruntukan kewangan. Sekiranya program pendidikan yang baru diperkenalkan tidak berkesan maka banyak

masa, tenaga dan peruntukan kewangan akan dibazirkan.

Selain itu, matlamat, objektif yang kabur serta tidak konsisten telah dikenal pasti sebagai punca terhadap banyak masalah dalam melaksanakan sesuatu program pendidikan yang baru. Tanggapan ini berkait rapat dengan corak pengurusan peringkat sekolah. Hal ini memberi gambaran bahawa program tersebut tidak mempunyai hala tuju yang jelas dan pelaksanaannya menimbulkan masalah serta kekeliruan kepada individu yang terlibat dengan program ini.

Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah model pengurusan yang digunakan bagi melaksanakan program tersebut dengan memberi tumpuan terhadap dua peringkat pengurusan. Pertama, pengurusan di peringkat pihak pengurus sekolah yang tidak terlibat dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di kelas inklusif. Kedua, pengurusan peringkat guru yang terlibat dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di kelas inklusif. Corak kajian begini menyamai cadangan Reynolds and Mann (1987) yang memberi penekanan terhadap tanggung jawab pengurus sekolah dan guru bagi menguruskan pelaksanaan program pendidikan inklusif.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif-objektif berikut:

- 1) Mengkaji pelaksanaan aspek-aspek pengurusan program pendidikan inklusif yang dilaksanakan oleh pengurus sekolah menengah teknik dan harian.
- 2) Mengkaji pelaksanaan aspek-aspek pengurusan program pendidikan inklusif yang dilaksanakan oleh guru-guru sekolah menengah teknik dan harian.
- 3) Mengkaji perbezaan aspek-aspek pengurusan program pendidikan inklusif yang dilaksanakan oleh guru-guru sekolah menengah teknik dan harian.

Soalan-soalan Kajian

Beberapa soalan yang khusus untuk kajian ini telah dibentuk berdasarkan objektif-objektif kajian di atas.

- 1) Bagaimanakah pengurus sekolah menengah teknik dan harian membuat perancangan terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif?
- 2) Bagaimanakah pengurus sekolah menengah teknik dan harian mengelola pelaksanaan program pendidikan inklusif?
- 3) Bagaimanakah pengurus sekolah menengah teknik dan harian membuat penilaian terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif?
- 4) Bagaimanakah guru di sekolah menengah teknik dan harian melakukan proses perancangan bersama untuk pengajaran di kelas inklusif?
- 5) Bagaimanakah guru di sekolah menengah teknik dan harian melakukan proses pengajaran bersama di kelas inklusif?

Hipotesis Kajian

Berpandukan soalan-soalan kajian nombor 1 hingga 5, hipotesis-hipotesis kajian yang berdasarkan hipotesis nol seperti berikut dibentuk dan dikaji.

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek perancangan bersama yang dilakukan oleh guru untuk kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian.

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek pengajaran bersama yang dilakukan oleh guru untuk kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian.

H_{03} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek pembinaan rancangan pendidikan individu oleh guru untuk kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian.

H_{04} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek penggunaan bahan resos pengajaran dan pengajaran oleh guru untuk kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian.

Kepentingan Kajian

Pelaksanaan program pendidikan inklusif di sekolah menengah teknik merupakan suatu program yang baru diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini bertujuan memberi latihan kemahiran vokasional kepada pelajar ketidakupayaan pendengaran. Oleh kerana program ini baru sahaja diperkenalkan

maka sehingga kini masih belum ada lagi kajian yang dilakukan terhadap program ini. Walau bagaimanapun kajian-kajian ada dilakukan terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif di sekolah-sekolah bukan vokasional iaitu di sekolah menengah harian. Ini menjadikan pelaksanaan program pendidikan inklusif di sekolah menengah harian menjadi relevan dan signifikan terhadap kajian ini. Justeru, kajian ini mempunyai beberapa kepentingannya, iaitu.

Reka bentuk Kajian

Kajian ini adalah bersifat deskriptif di mana ia menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku yakni menginterpretasi status semasa akan perkara yang dikaji. Kaedah ini menitikberatkan amalan-amalan semasa yang terdapat di dalam sesuatu keadaan, ciri-ciri keadaan tersebut dan proses-proses yang terlibat bagi membentuk keadaan tersebut.

Berdasarkan kaedah deskriptif, jenis kajian tinjauan telah digunakan bagi kajian ini di mana ia bertujuan mengumpul data bagi bilangan kes yang besar. Selain itu, kajian tinjauan ini juga telah membolehkan pengkaji meneroka pertalian di antara variabel-variabel sosiologi dan psikologi yang digunakan (Nolinske, 1995).

Temu Bual Berstruktur

Pengkaji telah menggunakan teknik temu bual berstruktur kerana teknik ini merupakan teknik yang sesuai bagi semua pengkaji baru. Justifikasinya ialah pengkaji telah dapat mengikuti panduan (soalan-soalan) temu bual dengan cermat. Selain itu, soalan temu bual berstruktur memberi ruang yang lebih kepada responden untuk menyatakan pendapat mereka di dalam skop yang telah ditentukan oleh soalan. Yang paling menarik tentang soalan temu bual berstruktur ialah soalan-soalan yang sama dapat diberi secara konsisten kepada responden yang berlainan. Justeru, respons responden menjadi lebih konsisten dalam skop soalan. Dari aspek pembinaan soalan pula, secara relatifnya ia agak mudah untuk dibina.

Soal Selidik Respons Tetap

Soal selidik merupakan instrumen kajian yang popular di kalangan pengkaji dan juga responden kerana ia dapat menyediakan maklumat dengan pantas dan mudah. Kepentingan soal selidik amat dirasai sekiranya responden berada di merata tempat. Bagi tujuan menganalisis data pula, teknik

ini telah memudahkan penyelidik mengekod dan memberi skor terhadap jawapan-jawapan responden. Keseluruhannya, soal selidik telah dapat menyediakan beberapa penelitian terhadap konteks, mengira jawapan yang diberi yang kemudiannya dikenali sebagai data, menyusun data dan membuat interpretasi terhadap data tersebut di dalam konteksnya yang tersendiri.

Sampel Kajian

Responden bagi kajian ini terbahagi kepada dua kumpulan berdasarkan teknik pengumpulan data yang digunakan iaitu temu bual dan soal selidik. Oleh kerana kajian ini memfokuskan peranan-peranan yang dimainkan oleh dua kumpulan guru di sekolah menengah teknik dan harian, maka pengkaji telah mengklasifikasikan guru-guru tersebut kepada dua kumpulan. Pembahagian guru-guru ini kepada dua kumpulan adalah berdasarkan kriteria hirarki jawatan yang mereka sandang di sekolah.

Kumpulan I adalah terdiri daripada mereka yang hanya terlibat dengan aspek-aspek pengurusan program ini. Secara umumnya, mereka tidak terlibat di dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di kelas inklusif. Kumpulan I ini adalah terdiri daripada pengurus sekolah, penolong kanan 1 dan guru penyelaras program ini. Kumpulan II pula terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran di kelas inklusif. Responden dari kumpulan ini terdiri daripada guru akademik dan guru resos.

Pengkaji telah menggunakan teknik persampelan *non-probability sampling* yakni *convenience sampling* bagi memilih guru-guru untuk sesi temu bual. Menerusi teknik persampelan ini, responden telah dipilih berdasarkan kelapangan dan kesediaan mereka untuk ditemu bual ketika pengkaji berada di sekolah. Seboleh-bolehnya, pengkaji tidak meminta bantuan pihak pengurus sekolah untuk mengusulkan nama responden kerana sekiranya perkara itu dilakukan, maka kajian ini dilihat seolah-olah bertujuan untuk mengawal data.

Justeru, teknik persampelan yang digunakan adalah lebih bersifat ilustrasi dan bukannya untuk menggambarkan sifat mewakili sesuatu kumpulan. Ia dikatakan bersifat ilustrasi kerana teknik persampelan sebegini digunakan semata-mata bertujuan untuk mendapatkan perspektif dalaman

individu-individu yang terlibat dengan program ini berdasarkan pengalaman, pengetahuan dan pendapat mereka.

Responden Temu Bual

Teknik persampelan yang digunakan bagi memilih responden temu bual dari kumpulan I yang terdiri daripada kumpulan pengurus sekolah iaitu pengetua, penolong kanan 1 dan penyelaras program pendidikan inklusif di setiap jenis sekolah menengah adalah melalui teknik bancian. Pengklasifikasi ahli kumpulan ini adalah mengikut panduan pelaksanaan program pendidikan inklusif peringkat sekolah rendah (Ministry of Education Malaysia, 1994).

Seramai 12 orang pengurus sekolah menengah teknik dan 11 orang pengurus sekolah menengah harian telah jadikan responden kajian. Justeru, terdapat seramai 23 orang responden dari kumpulan ini telah ditemubual. Taburan bilangan responden kajian dapat dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Bilangan Responden Temu bual Peringkat Pengurus Sekolah

Jenis Sekolah	S.M.Teknik	S.M.Harian	Jumlah
Pengurus Sekolah	Bil. (%)	Bil. (%)	Bil. (%)
Pengetua	4 (33.3)	3 (27.2)	7 (30.4)
Penolong Kanan 1	3 (25.0)	2 (18.3)	5 (21.8)
Penyelaras Program	5 (41.7)	6 (54.5)	11 (47.8)
Jumlah	12 (100)	11 (100)	23 (100)

Responden bagi sesi temu bual daripada Kumpulan II terdiri daripada guru akademik. Oleh kerana guru resos tidak dibekalkan, pengkaji telah menemubual guru pendidikan khas untuk mendapatkan data yang dapat mengukuhkan data daripada guru akademik.

Seramai 22 orang responden dari sekolah menengah teknik telah ditemubual. Responden tersebut terdiri daripada 14 orang guru bengkel dan lapan orang guru akademik. Bagi sekolah menengah harian pula, respondennya terdiri daripada 11 orang guru akademik dan sembilan orang guru pendidikan khas. Rumusan bilangan

responden bagi temu bual peringkat guru dapat dilihat pada Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Taburan Bilangan Responden Temu bual Peringkat Guru

Jenis Sekolah	S.M.Teknik	S.M.Harian	Jumlah
Guru	Bil. (%)	Bil. (%)	Bil. (%)
Guru Bengkel	14 (63.6)	0 (0.0)	14 (33.3)
Guru Akademik	8 (36.4)	11 (55.0)	19 (45.2)
Guru Pendidikan Khas	0 (0.0)	9 (45.0)	9 (21.5)
Jumlah	22 (100)	20 (100)	42 (100)

Keseluruhannya, terdapat seramai 65 orang responden bagi teknik pengumpulan data temu bual.

Responden Soal Selidik

Soal selidik pula hanya diberi kepada semua guru bengkel dan akademik di sekolah menengah teknik dan harian. Perkiraan untuk melibatkan semua guru akademik yang mengajar di kelas inklusif sebagai responden soal selidik adalah berdasarkan faktor bilangan mereka yang kecil dan mudah ditadbir. Keseluruhannya, seramai 84 orang guru telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan. Mereka terdiri daripada 18 orang guru bengkel dan 18 orang guru akademik dari sekolah menengah teknik. Sementara di sekolah menengah harian pula, bilangan guru akademik yang menjawab soal selidik yang diberikan berjumlah 48 orang. Pemilihan responden soal selidik telah dibuat secara rawak. Rumusan bilangan responden dapat dilihat pada Jadual 3.

Jadual 3: Taburan Bilangan Responden Soal Selidik

Jenis Sekolah	S.M.Teknik	S.M.Harian	Jumlah
Guru	Bil. (%)	Bil. (%)	Bil. (%)
Guru Bengkel	18 (50.0)	0 (0.0)	18 (21.4)
Guru Akademik	18 (50.0)	48 (100)	66 (78.6)
Jumlah	36 (100)	48 (100)	84 (100)

Latar Belakang Lokasi Kajian

Enam sekolah menengah teknik dan enam buah sekolah menengah harian di Semenanjung Malaysia yang melaksanakan program pendidikan inklusif telah dijadikan lokasi kajian. Kesemua sekolah yang dipilih ini merupakan semua sekolah menengah teknik dan sebahagian daripada sekolah menengah harian yang melaksanakan program pendidikan inklusif. Ini bermakna 12 buah sekolah telah dijadikan lokasi pengumpulan data.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat yang diguna oleh pengkaji untuk memungut data.

Temu Bual

Soalan-soalan temu bual telah dibentuk bagi menjawab semua soalan kajian. Oleh kerana terdapat dua kumpulan responden yang telah dikenal pasti bagi kajian ini, maka pengkaji telah membentuk dua set soalan temu bual ialah Temu Bual Set A dan Temu Bual Set B. Penggunaan dua set soalan temu bual yang berlainan membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat daripada individu dari kumpulan yang berlainan. Justeru, pengkaji telah mendapat gambaran keseluruhan tentang pengurusan program pendidikan inklusif di setiap sekolah. Soalan-soalan adalah berbentuk terbuka di mana responden bebas untuk menjawab dengan cara mereka rasakan sesuai. Temu bual telah diadakan secara bersemuka.

Temu Bual Set A menjawab soalan-soalan kajian nombor satu, dua dan tiga (objektif kajian nombor satu) yakni yang berkaitan dengan aspek pengurusan peringkat pengurus sekolah yang terdiri daripada pengetua, penolong kanan 1 dan penyelaras program pendidikan inklusif. Soalan-soalan yang dibentuk untuk Temu Bual Set A meliputi aspek perancangan, pengelolaan dan penilaian program pendidikan inklusif yang dilaksanakan di sekolah mereka.

Soal Selidik

Pengkaji telah menggunakan soal selidik dengan respons tetap yang dibentuk sendiri oleh pengkaji berdasarkan pembacaan daripada tinjauan literatur. Soal selidik ini memberi tumpuan terhadap aspek-aspek pengurusan kelas inklusif.

Soal selidik mempunyai dua bahagian utama iaitu, Bahagian I yang merupakan bahagian

demografi responden. Responden dikehendaki menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan data demografi mereka seperti jantina, umur, ras, tempat bertugas sekarang, kelayakan akademik, kelayakan ikhtisas, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar kelas inklusif, mata pelajaran yang diajar sekarang dan kursus-kursus dalam perkhidmatan yang pernah dihadiri.

Bahagian II pula mengandungi item-item yang berbentuk pernyataan-pernyataan untuk menjawab soalan-soalan kajian. Bahagian ini merangkumi enam variabel keseluruhannya iaitu perancangan bersama, pengajaran bersama, rancangan pendidikan individu, bahan resos pengajaran, pengajaran semula, dan ujian. Variabel-variabel ini adalah berdasarkan rumusan daripada kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Zigmond (1995a, 1995b, 1995c) dan Baker (1995a, 1995b, 1995c).

Setiap item telah diberi skor berdasarkan empat nilai skala Likert. Responden dikehendaki membulatkan salah satu nombor pada setiap item yang disediakan berdasarkan pengetahuan, perasaan dan pengalaman mereka di dalam konteks program pendidikan inklusif secara berikut:

- 1 – sekiranya responden tidak pernah melakukannya.
- 2 – sekiranya responden jarang-jarang melakukannya.
- 3 – sekiranya responden kadang-kadang melakukannya.
- 4 – sekiranya responden selalu melakukannya.

Item-item kenyataan yang dikemukakan dalam soal selidik semuanya berbentuk positif. Ini adalah bertujuan memudahkan pengkaji semasa mengekod dan menganalisis data. Sekiranya terdapat item-item diberi dalam bentuk negatif, sudah tentu respons yang diberikan terpaksa diterbalikkan dan merumitkan kerja-kerja pemprosesan data.

Kaedah Pengumpulan Data

Enam buah sekolah menengah teknik dan enam buah sekolah menengah harian yang terlibat dengan pelaksanaan program pendidikan inklusif telah digunakan bagi kajian sebenar. Pengkaji telah mengutip data bermula dari hari Isnin hingga Rabu bagi sekolah-sekolah yang terletak di negeri Kedah dan Kelantan. Manakala sekolah-sekolah

yang terletak di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan Perlis, kajian telah bermula dari hari Selasa hingga Khamis. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan hari pertama persekolahan pada minggu tersebut.

Sesi temu bual dengan guru akademik, guru bengkel dan guru pendidikan khas telah diadakan pada hari-hari yang berikutnya di pusat sumber sekolah. Setiap sesi temu bual juga telah memakan masa di antara 20 hingga 30 minit. Semua sesi temu bual ini telah dirakam dengan menggunakan pita rakaman.

Pengkaji mengambil masa antara dua hingga tiga hari untuk membuat kajian di setiap sekolah. Ini bermakna kerja lapangan ini telah memakan masa selama lima bulan untuk diselesaikan.

Kaedah Menganalisis Data

Berdasarkan teknik-teknik pengumpulan data yang digunakan, maka terdapat dua jenis data yang telah diperolehi iaitu data kualitatif dan data kuantitatif.

Data kualitatif dibahagikan kepada dua jenis iaitu data kualitatif peringkat pengurus sekolah dan data kualitatif peringkat guru. Selanjutnya data kualitatif peringkat pengurus sekolah dibahagikan kepada dua iaitu sekolah menengah teknik dan sekolah menengah harian. Manakala data kualitatif peringkat guru juga terbahagi kepada dua iaitu data guru dari sekolah menengah teknik dan sekolah menengah harian.

Beberapa cara penganalisisan telah dilakukan bagi mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan kajian. Dapatan daripada setiap sekolah ini telah dijadikan asas perbandingan bagi melihat perbezaan-perbezaan terhadap variabel-variabel tertentu.

1. Menggunakan ANOVA bagi membuat perbandingan corak pengurusan program pendidikan inklusif yang terdapat di sekolah-sekolah menengah teknik dan harian.
2. Menggunakan min sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua jenis sekolah tersebut. Ini adalah kerana *post-hoc test* tidak dapat dilakukan dengan ANOVA. *Post-hoc test* hanya dapat dilakukan sekiranya terdapat sekurang-kurangnya tiga kumpulan yang dikaji.

Semua penganalisisan terhadap data yang diperolehi dari soal selidik telah dilakukan dengan

menggunakan Program software *Statistical Package for the Social Science module* (SPSS).

Dapatan Mengenai Pendedahan Terhadap Pendidikan Inklusif

Pendedahan pengurus sekolah terhadap program pendidikan inklusif dapat dikaitkan dengan kepelbagaiannya respons terhadap tujuan kelas inklusif diadakan. Analisis data menunjukkan dua belas orang pengurus sekolah ($n=12$) dari sekolah menengah teknik yang ditemubual, hanya terdapat empat orang ($n=4$) sahaja yang mengaku bahawa mereka pernah didedahkan dengan pendidikan khas.

Justeru, kebanyakan responden ($n=8$) yang dikaji didapati tidak mendapat maklumat dan pendedahan yang formal tentang program ini. Hanya terdapat sebilangan kecil sahaja ($n=4$) daripada mereka yang pernah didedahkan dengan program pendidikan inklusif.

Dari aspek garis panduan pelaksanaan kelas inklusif pula, semua pengurus sekolah ($n=12$) sekolah menengah teknik menyatakan mereka tidak menerima sebarang garis panduan pelaksanaan dalam bentuk hitam-putih daripada pihak atasan.

Analisis data menunjukkan semua pengurus sekolah ($n=12$) dari sekolah menengah teknik menyatakan pihak mereka tidak mendapat peruntukan kewangan yang khusus bagi menjayakan program pendidikan inklusif ini.

Nyata di sini bahawa program pendidikan inklusif yang dilaksanakan tidak mendapat sebarang peruntukan kewangan dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

Analisis data dari kalangan pengurus sekolah menengah harian menunjukkan hanya seorang ($n=1$) sahaja yang telah didedahkan terhadap pendidikan inklusif oleh pihak kementerian. Selebihnya ($n=10$) tidak pernah menerima pendedahan secara formal terhadap pelaksanaan program ini.

Semua responden ($n=11$) dari kumpulan pengurus sekolah menengah harian juga menyatakan mereka tidak mendapat garis panduan dalam bentuk hitam-putih daripada pihak berwajib bagi melaksanakan program ini di sekolah mereka.

Seperti yang berlaku di sekolah menengah teknik, pengurus sekolah menengah harian juga tidak mendapat garis panduan pelaksanaan

program ini seperti yang digambarkan dalam sedutan temu bual di bawah.

Semua pengurus sekolah (n=11) menyatakan mereka tidak diperuntukkan dengan peruntukan kewangan bagi melaksanakan program ini seperti yang tergambar dalam contoh-contoh petikan temu bual berikut.

Oleh itu, kajian mendapati tidak ada sebarang peruntukan kewangan yang khusus bagi pengurus sekolah untuk melaksanakan program ini.

Rumusan

Berdasarkan dapatan-dapatan yang diketengahkan di atas, kajian mendapati bahawa terdapat persamaan dari aspek perancangan antara pengurus sekolah menengah teknik dengan pengurus sekolah menengah harian. Dengan ketiadaan elemen-elemen perancangan, dapat dikatakan kedua-dua golongan pengurus sekolah tersebut melakukan proses perancangan dengan cara yang tidak sewajarnya terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif di sekolah mereka.

Dari aspek sukatan pelajaran bagi mata pelajaran kemahiran, semua pengurus sekolah (n=12) yang ditemu bual dari sekolah menengah teknik menyatakan kelas inklusif menggunakan sukatan pelajaran yang sama. Selanjutnya, mereka juga (n=12) menyatakan tidak ada sukatan pelajaran yang khusus bagi mata pelajaran akademik.

Semua pengurus sekolah (n=12) dari sekolah menengah teknik yang ditemu bual menyatakan semua pelajar di kelas inklusif mengikuti jadual waktu yang sama. Sedutan-sedutan temu bual di bawah dapat menyatakan dapatan di atas.

Semua pengurus sekolah (n=12) dari sekolah menengah teknik menyatakan bahan resos pengajaran dan pembelajaran yang khusus tidak dibekalkan kepada pelajar bermasalah pembelajaran tersebut. Mereka hanya menggunakan bahan-bahan resos pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada sahaja. Dapatan ini dapat dilihat dengan jelas berpandukan sedutan-sedutan temu bual yang telah dijalankan seperti di bawah ini.

Semua pengurus sekolah (n=12) menyatakan bahawa pihak sekolah tidak dibekalkan dengan guru resos untuk membantu dan bersama-sama menjayakan program pendidikan inklusif di sekolah menengah teknik. Dapatan ini dapat dilihat dengan

jelas berpandukan sedutan-sedutan temu bual berikut yang telah dijalankan seperti di bawah.

Semua pengurus sekolah (n=12) yang ditemu bual juga menyatakan bahawa mereka tidak pernah mendapatkan khidmat nasihat mengenai pelaksanaan kelas inklusif dari mana-mana pihak. Justeru, kajian mendapati bahawa tidak ada pihak yang menyediakan khidmat nasihat kepada pengurus sekolah menengah teknik untuk melaksanakan program pendidikan inklusif di sekolah mereka. Dapatan ini dapat dilihat dengan jelas berpandukan petikan-petikan temu bual yang telah dijalankan seperti di bawah.

Dari aspek sukatan pelajaran di sekolah menengah harian pula, semua pengurus sekolah (n=11) yang ditemu bual menyatakan bahawa sukatan pelajaran yang sama digunakan di kelas inklusif iaitu sukatan pelajaran tingkatan tiga.

Dari aspek jadual waktu kelas inklusif di sekolah menengah harian, semua pengurus sekolah (n=11) yang ditemu bual menyatakan waktu bagi kelas inklusif adalah sama digunakan seperti kelas biasa.

Dari aspek penggunaan bahan resos pengajaran dan pembelajaran, semua (n=11) pengurus sekolah menengah harian mengakui bahawa mereka tidak menerima sebarang bahan resos pengajaran dan pembelajaran yang khusus untuk memudahkan pelajar bermasalah pembelajaran belajar.

Semua pengurus sekolah (n=11) sekolah menengah harian mengakui bahawa tiada guru resos yang dibekalkan kepada pihak sekolah bagi membantu pelaksanaan program pendidikan inklusif.

Semua pengurus sekolah (n=11) sekolah menengah harian menyatakan mereka tidak pernah mendapat khidmat nasihat dari mana-mana pihak bagi membantu mereka melaksanakan program tersebut.

Analisis data menunjukkan tidak terdapat elemen-elemen penting yang perlu ada bagi proses pengelolaan pengurus sekolah menengah teknik dan harian. Justeru, kajian mendapati bahawa program tersebut tidak dikelola dengan cara tidak sewajarnya seperti kehendak program tersebut.

Analisis terhadap respons temu bual juga menunjukkan bahawa lapan orang pengurus

sekolah ($n=8$) yang menyatakan bahawa pada penilaian mereka, program pendidikan inklusif ini sesuai diadakan di sekolah menengah teknik. Sementara empat orang pengurus sekolah ($n=4$) pula menyatakan program ini tidak sesuai diadakan di sekolah mereka. Responden-responden yang menyatakan bahawa program ini tidak sesuai untuk dilaksanakan terdiri daripada seorang pengetua, dua orang penolong kanan dan seorang penyelaras.

Semua guru ($n=22$) daripada sekolah menengah teknik menyatakan guru resos tidak bekalkan kepada pihak sekolah untuk melakukan proses perancangan bersama.

Semua guru ($n=14$) dari kalangan guru bengkel yang ditemui bual mengaku bahawa mereka menggunakan sukatan pelajaran yang sama untuk kelas inklusif. Sukatan tersebut disediakan oleh pihak MLVK. Sementara semua guru ($n=8$) dari kalangan guru akademik menyatakan mereka tidak mempunyai sebarang sukatan pelajaran untuk kelas inklusif. Justeru, kajian mendapat bahawa sukatan pelajaran yang piawai disediakan untuk guru bengkel yang mengajar mata pelajaran kemahiran sahaja. Bagi mata pelajaran akademik pula, tidak ada sebarang sukatan pelajaran yang piawai yang dibekalkan kepada guru-guru tersebut.

Semua guru ($n=22$) yang ditemui bual juga menyatakan bahawa mereka tidak dibekalkan dengan garis panduan pelaksanaan kelas inklusif.

Begini dengan aspek kewangan di mana semua guru ($n=22$) yang ditemui bual mengakui bahawa tidak ada sebarang peruntukan kewangan yang diberikan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan program inklusif.

Semua guru ($n=20$) mengakui bahawa guru resos tidak bekalkan kepada pihak sekolah untuk melakukan proses perancangan bersama. Responden-responden daripada sekolah menengah harian yang terdiri daripada guru-guru akademik ($n=11$) menyatakan bahawa tidak ada guru resos yang dibekalkan kepada kelas inklusif yang menyebabkan mereka tidak melakukan

proses pengajaran bersama. Bagi responden yang terdiri daripada guru pendidikan khas pula ($n=9$) menyatakan bahawa dalam pengetahuan dan pemerhatian mereka, proses pengajaran bersama tidak pernah dilakukan oleh guru akademik di kelas inklusif atas alasan tiada guru resos.

Daripada 20 orang responden yang ditemui bual, kajian mendapat semua guru akademik ($n=11$) dan lima orang guru pendidikan khas ($n=5$) menyatakan mereka tidak pernah melakukan proses pengajaran semula untuk pelajar bermasalah pembelajaran. Manakala empat orang guru pendidikan khas ($n=4$) menyatakan mereka ada melakukan proses pengajaran semula bagi pelajar bermasalah pembelajaran yang diinklusifkan.

Berdasarkan analisis yang dibuat, kajian mendapat bahawa ujian ada diberi di kedua-dua jenis sekolah menengah tersebut. Di sekolah menengah teknik, ujian diberi oleh guru-guru bengkel sahaja. Guru-guru akademik pula tidak memberi sebarang ujian untuk kelas inklusif. Di sekolah menengah harian pula, ujian hanya diberi oleh guru akademik. Kebanyakan guru pendidikan khas tidak terlibat dengan aspek memberi ujian untuk kelas inklusif. Justeru, terdapat perbezaan daripada domain ujian bagi setiap jenis sekolah menengah tersebut.

Menjawab Hipotesis Kajian Nombor Satu

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek perancangan bersama yang dilakukan oleh guru kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian.

Berdasarkan Jadual 4, keputusan Ujian ANOVA menunjukkan bahawa nilai $F (1, 83) = 14.717$, $p < 0.05$ adalah signifikan dan hipotesis H_{01} ditolak. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek perancangan bersama yang dilakukan oleh guru kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian. Berdasarkan min bagi sekolah menengah teknik iaitu 1.8250 dan min bagi sekolah menengah harian iaitu 1.3375,

Jadual 4: Dapatan ANOVA Satu Hala Aspek Perancangan Bersama

		Jumlah	dk	Min	F	Aras Sig.
		Gandadua		Gandadua		
RANCSAMA	Antara Kumpulan	4.889	1	4.889	14.717	.000*
	Dalam Kumpulan	27.240	82	.332		
	Jumlah	32.129	83			

* $p = < 0.05$

dapat dikatakan guru-guru di sekolah menengah teknik lebih baik dalam aspek melakukan proses perancangan bersama berbanding guru-guru sekolah menengah harian.

Menjawab Hipotesis Kajian Nombor Dua

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek pengajaran bersama yang dilakukan oleh guru kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian.

Berdasarkan Jadual 5 di bawah, keputusan Ujian ANOVA menunjukkan bahawa nilai F (1, 83) = 0.510, $p > 0.05$ adalah tidak signifikan dan hipotesis H_{02} diterima. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek pengajaran bersama yang dilakukan oleh guru kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian.

Menjawab Hipotesis Kajian Nombor Tiga

H_{03} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek pembinaan rancangan pendidikan individu oleh guru kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian.

Berdasarkan Jadual 6 di bawah, keputusan Ujian ANOVA menunjukkan bahawa nilai F (1, 83) = 1.657, $p > 0.05$ adalah tidak signifikan dan hipotesis H_{03} diterima. Ini menunjukkan tidak

terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek pembentukan rancangan pendidikan individu yang dilakukan oleh guru untuk kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian.

Menjawab Hipotesis Kajian Nombor Empat

H_{04} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek penggunaan bahan resos pengajaran dan pembelajaran oleh guru kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian.

Berdasarkan Jadual 7 di bawah, keputusan Ujian ANOVA menunjukkan bahawa nilai F (1, 83) = 1.785, $p > 0.05$ adalah tidak signifikan dan hipotesis H_{04} diterima. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek penggunaan bahan resos pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru kelas inklusif di sekolah menengah teknik dan harian.

Rumusan

Empat hipotesis yang dikemukakan, terdapat satu hipotesis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan yang terdapat di sekolah menengah teknik dan harian iaitu pada domain pengajaran bersama. Hipotesis tersebut ialah H_{01} . Sementara tiga lagi hipotesis menunjukkan keputusan terdapat perbezaan yang

Jadual 5: Dapatan ANOVA Satu Hala Aspek Pengajaran Bersama

		Jumlah	dk	Min	F	Aras Sig.
		Gandadua		Gandadua		
AJARSAMA	Antara Kumpulan	.178	1	.178	.510	.477
	Dalam Kumpulan	28.585	82	.349		
	Jumlah	28.763	83			

Jadual 6: Dapatan ANOVA Satu Hala Aspek Rancangan Pendidikan Individu

		Jumlah	dk	Min	F	Aras Sig.
		Gandadua		Gandadua		
RPI	Antara Kumpulan	1.016	1	1.016	1.657	.202
	Dalam Kumpulan	50.280	82	.613		
	Jumlah	51.296	83			

Jadual 7: Dapatan ANOVA Satu Hala Aspek Penggunaan Bahan Resos Pengajaran dan Pembelajaran

		Jumlah	dk	Min	F	Aras Sig.
		Gandadua		Gandadua		
RESOS	Antara Kumpulan	.849	1	.849	1.785	.185
	Dalam Kumpulan	38.999	82	.476		
	Jumlah	39.847	83			

signifikan bagi domain perancangan bersama, pengajaran semula dan ujian antara sekolah menengah teknik dengan sekolah menengah harian. Hipotesis tersebut ialah H_{02} , H_{03} dan H_{04} .

Penutup

Kajian ini telah menjelaskan corak pengurusan program pendidikan inklusif yang dilaksanakan di enam buah sekolah menengah teknik dan enam buah sekolah menengah harian. Perbandingan telah dibuat terhadap corak pengurusan yang dilakukan oleh pihak pengurus sekolah dan guru kelas inklusif di kedua-dua jenis sekolah menengah. Berpandukan dapatan kajian dan perbincangan terhadap dapatan tersebut, didapati pengurusan program tersebut di kedua-dua jenis sekolah menengah tidak menampakkan banyak perbezaan antara satu sama lain. Malah, boleh dikatakan kelas inklusif yang dilaksanakan menyamai dengan kelas biasa. Ini amat bercanggah dengan hasrat murni Kementerian Pendidikan Malaysia yang mahukan pelajar bermasalah pembelajaran yang mampu dididik diinklusifkan ke kelas biasa seperti yang tercatat dalam Bahagian 1 (C) Akta Pendidikan.

Program Pendidikan Inklusif di sekolah-sekolah menengah teknik merupakan manifestasi Kementerian Pendidikan untuk merealisasikan konsep "Pendidikan Untuk Semua", namun program tersebut tidak diurus seperti yang sepatutnya. Dalam erti kata lain, program tersebut telah gagal mencapai matlamatnya. Banyak faktor yang menyumbang kepada hal tersebut. Faktor yang utama ialah kerana tidak ada guru resos yang ditempatkan di sekolah-sekolah berkenaan. Semua aspek pengurusan, sama ada di peringkat pengurus sekolah mahupun di peringkat pengurusan guru, tidak akan dapat dirancang dan dilaksanakan tanpa guru resos. Justeru, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengenal pasti guru resos untuk dilibatkan bersama untuk program ini. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia boleh menukar status guru pendidikan khas menjadi guru resos kerana terdapat sebilangan guru pendidikan khas yang terlatih dalam bidang ini.

Faktor pengurus sekolah yang tidak didekah dengan konsep dan perjalanan program pendidikan inklusif juga menyumbang kepada kegagalan pengurusan program ini. Oleh itu, pihak pengurus sekolah perlu diberi pendedahan sama ada melalui kursus atau seminar terhadap program ini.

Selain itu, guru-guru yang tidak didekah dengan teknik pengurusan pelajar bermasalah pembelajaran juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kegagalan program tersebut. Guru-guru menunjukkan reaksi yang amat positif terhadap kemasukan pelajar-pelajar tersebut ke kelas mereka serta sanggup berhadapan dengan cabaran untuk memberi didikan. Namun mereka tidak tahu bagaimana hendak mengajar pelajar-pelajar berkenaan kerana mereka tidak berpengalaman. Oleh itu, kursus dalam cuti yang intensif perlu diberi kepada guru-guru berkenaan agar mereka dapat menjalankan tanggung jawab mereka dengan lebih berkesan. Pihak-pihak yang disebutkan di atas dapat membantu guru-guru ini dari aspek ini.

Walaupun program pendidikan inklusif tidak dimandatkan di sekolah menengah harian, namun usaha guru yang menginklusifkan pelajar bermasalah pembelajaran dari kelas khas ke kelas inklusif merupakan satu usaha yang patut dipuji. Walaupun mendapat reaksi yang kurang memberangsangkan daripada segelintir guru terhadap penginklusifan pelajar bermasalah pembelajaran berkenaan tetapi majoriti daripada mereka yang menunjukkan reaksi yang positif terhadap usaha tersebut. Ini menunjukkan mereka sanggup menerima cabaran untuk mendidik pelajar-pelajar tersebut tetapi masalah utamanya ialah mereka tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran untuk mendidik pelajar-pelajar sedemikian.

Rujukan

- Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994. "Ke Arah Pengisian Wawasan Pendidikan: Pendidikan Untuk Semua." Dalam *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Inklusif*.
- Baker, J.M. 1995a. "Inclusion in Virginia: Educational Experiences of Students with Learning Disabilities in One Elementary School." Dalam *The Journal of Special Education*. Vol.29, No.2, pp. 116-123.
- Baker, J.M. 1995b. "Inclusion in Minnesota: Educational Experiences of Students with Learning Disabilities in One Elementary School." Dalam *The Journal of Special Education*. Vol.29, No.2, pp. 133-143.

- Baker, J.M. 1995c. "Inclusion in Washington : Educational Experiences of Students with Learning Disabilities in One Elementary School." Dalam *The Journal of Special Education*. Vol.29, No.2, pp. 155-162.
- Elliot, D. and McKenney, M. 1999. "Four Inclusion Models That Work" dalam Freiberg, K.L. *Educating Exceptional Children* 1999/2000 (11th Edition). pp 21-25.
- Jabatan Pendidikan Khas. 1998. "Akta Pendidikan 1996 - Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997." Dalam *Buletin Pendidikan Khas*. Dis.1998, Bil.2, hal. 13 – 15.
- Jonnson, T. 1993. *Towards An Inclusive Education*. (Draft Version).
- Ministry of Education Malaysia. 1994. "The National Report from Malaysia on The Development of Education." Dalam *International Conference on Education, 44th Session*, Geneva.
- Mittler, P. 1995. "Special Needs in the 21st Century." Dalam *Laporan 19th National Conference Australian Association of Special Education*, Darwin Australia, 13 – 15 Julai 1995.
- Nolinske, T. 1995. "Research Forum: Survey Research and Measurement Error." Dalam *Journal of Prosthetics and Orthotics*. Vol.7, No.2, pp.68-78. (<http://www.oandp.org/jpo/72/7268.htm>)
- Reynolds, C.R. & Mann, L. eds. 1987. *Encyclopedia of Special Education: A Reference for the Education of the Handicapped and Other Exceptional Children and Adults* (Vol. 2). New York: A Wiley-Interscience Publication.
- Roharty, M.M. 1996. "Sikap Guru Besar/Pengetua Terhadap Pengintegrasian Kanak-kanak Keperluan Khas." Dalam *Kertas Seminar Penyelidikan Tindakan Mengenai Kanak-kanak dengan Keperluan Khas*. Universiti Sains Malaysia. Grand Continental Hotel, 24–26 Mac 1996.
- Stainback, W. & Stainback, S. 1990. *Support Networks for Inclusive Schooling: Interdependent Integrated Education*. Baltimore: Paul H.Brookes Pubs. Co.
- The Salamanca Statement: Network for Action on Special Needs Education. Adopted by the World Conference on Special Needs Education: Access and Quality, Salamanca, Spain, 7-10 June 1994. (http://www.inclusion.com/page_11.htm)
- Jabatan Pendidikan Khas. 1995. *Perancangan Strategik: Pendidikan Khas 2020*.
- Zalizan, M. J. & Noraini M. S. 2000. "Pendidikan Inklusif: Satu Perubahan Dalam Paradigma Pendidikan." Dalam *Laporan Seminar Pendidikan Khas Peringkat Kebangsaan 2000*. Institut Aminudin Baki. 11 – 14 Jun 2000, hal. 85 – 106.
- Zigmond, N. 1995a. "Inclusion in Pennsylvania: Educational Experiences of Students with Learning Disabilities in One Elementary School." Dalam *The Journal of Special Education*. Vol.29, No.2, pp. 123-132.
- Zigmond, N. 1995b. "Inclusion in Kansas: Educational Experiences of Students with Learning Disabilities in One Elementary School." Dalam *The Journal of Special Education*. Vol.29, No.2, pp. 144-154.
- Zigmond, N. 1995c. "An Exploration of the Meaning and Practice of Special Education in the Context of Full Inclusion of Students with Learning Disabilities." Dalam *The Journal of Special Education*. Vol. 29, No.2, pp 109-115.